



**MAJLIS PERBANDARAN JEMPOL
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

TAWARAN SEBUT HARGA


Tawaran ini adalah dipelawa kepada kontraktor **Bumiputera yang berdaftar dengan CIDB dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dengan Gred G** di bawah tajuk yang bersesuaian bagi menyertai sebut harga kerja-kerja di bawah :

No. Sebutharga	Butir-Butir Tawaran	Gred/Katogeri/ Pengkhususan	Harga Dokumen (RM)	Tarikh Tutup Sebutharga
MPJL/SH/L/01/2020	Kerja-Kerja Pembaikan Komponen Landskap Di Taman Perumahan dan Taman Awam Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya Di Dalam Daerah Jempol, Negeri Sembilan.	G1 (Bumiputera) <u>Kategori</u> B09 – Landskap <u>Pengkhususan</u> CE14-Landskap	30.00	10/09/2020 (Jumaat) Sebelum 12:00 Tengahari

2. Dokumen Sebut Harga mula dijual pada **1 September 2020 (Selasa) sehingga 10 September 2020** pada waktu pejabat di Kaunter Bayaran, Majlis Perbandaran Jempol, 72120 Bandar Seri Jempol, Negeri Sembilan. Dokumen Sebut Harga ini tidak akan dijual sebelum daripada tarikh di atas.
3. Bayaran harga dokumen dalam bentuk wang tunai atau money order atau bank draf hendaklah atas nama **Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Jempol** dan hendaklah dijelaskan di kaunter Majlis Perbandaran Jempol pada waktu pejabat. Bayaran Dokumen ini tidak akan dikembalikan kecuali dengan sebab-sebab yang munasabah.
4. **Lawatan Tapak** akan diadakan pada **1 September (Selasa)** pada jam **10.00 pagi** dan pemborong perlu hadir sendiri bersama dokumen-dokumen asal. Pemborong yang berminat untuk menyertai sebut harga ini hendaklah berkumpul di perkarangan pejabat **Bahagian Landskap Majlis Perbandaran Jempol** sebelum **9.30 pagi** untuk pendaftaran. Pendaftaran di tapak adalah tidak dibenarkan.
5. Borang yang telah diisi dengan lengkap hendaklah disertakan dengan **Salinan Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PKK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), Sijil Taraf Bumiputera (STB) dan SSM** serta dimasukkan ke dalam **PETI SEBUT HARGA** di Pejabat Majlis Perbandaran Jempol sebelum pukul **12.00 tengahari** pada **10 September 2020 (Jumaat)**.
6. Majlis Perbandaran Jempol tidak akan terikat menerima tawaran yang terendah atau sebagaimana atau memberikan apa-apa sebab sesuatu sebut harga itu ditolak dan juga tidak bertanggungjawab di atas segala kos perbelanjaan berhubung dengan sebut harga ini.

SYARAT-SYARAT SEMASA MENGHADIRI LAWATAN TAPAK

1. Pemborong adalah daripada kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan mempunyai perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan boleh menjalankan kerja-kerja di sekitar Daerah Jempol.
2. **Pemborong yang hadir dalam lawatan tersebut adalah tidak dibenarkan mewakili syarikat lain walaupun mempunyai surat pengesahan wakil lawatan tapak.**
3. Pemborong dikehendaki membawa bersekali sijil-sijil asal PPK dan CIDB semasa lawatan tapak.
4. Pemborong dikehendaki berkumpul terlebih dahulu di perkarangan Pejabat Bahagian Landskap, Majlis Perbandaran Jempol sebelum memulakan lawatan tapak.
5. Pendaftaran untuk menyertai lawatan tapak selepas jam 10.00 pagi tidak akan dilayan.



RAJA NORAZLI BIN RAJA NORDIN
YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN JEMPOL
TARIKH :24 OGOS 2020